

MAKLUMAT DIRI ANDA

Nama : Rosmawati Hamzah
Alamat : 88 Jln. Tmn Rembia Perkasa,
Rembia, Alor Gajah.
No. Tel : 06-458 xxxx
Tarikh : 11 Disember 2013

[Tandakan (x) dalam kotak berkenaan]

1. Adakah anda ingin menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam untuk mengemukakan cadangan, pandangan dan bantahan secara lisan ?

☐ Ya (sila ke soalan 2)

☐ Tidak

2. Jika Ya sila nyatakan :

☐ Hadir Sendiri

☐ Hantar Wakil (Nama : (.....))

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Bil. Borang :

Tarikh :

Catatan :

RKK MELAKA WORLD SOLAR VALLEY

PERKARA	BANTAHAN/ MAKLUMBALAS	CADANGAN
1. Perniagaan	Kemudahan dan kesesuaian terhadap kawasan perniagaan di Rembia perlu dipertingkatkan	

PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS MELAKA WORLD SOLAR VALLEY 2020

2 – 31 Disember 2013



MATLAMAT


"Mewujudkan pembangunan bandar teknologi hijau bertaraf dunia yang berteraskan tenaga suria menjelang tahun 2020"

OBJEKTIF


- Menyediakan sebuah kawasan lembah suria yang mengaplikasikan tenaga suria sebagai alternatif utama di dalam aktiviti perbandaran untuk semua sektor di samping menggalakkan penggunaan tenaga alternatif yang lain di dalam kawasan seluas 7,154.95 hektar.
- Mewujudkan satu rantai yang menyeluruh (complete chain) industri teknologi hijau khususnya tenaga suria yang akan memberikan faedah-faedah secara langsung dan tidak langsung kepada matlamat pembangunan yang mapan dan sosio-ekonomi tempatan.

KAWASAN KAJIAN

- Berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Alor Gajah 2020, kawasan kajian melibatkan keseluruhan Blok Perancangan 4 : Rembia – Melaka Pindah.
- Meliputi 6 mukim iaitu Mukim Melaka Pindah, Mukim Beringin, Mukim Parit Melana, Mukim Belimbing, Mukim Sg. Petai dan Mukim Rembia.
- Melibatkan kawasan seluas 7,154.95 hektar . Guna tanah utama adalah pertanian yang meliputi kawasan seluas 4,264.86 hektar iaitu 59.61% daripada luas keseluruhan kawasan RKK MWSV
- Mempunyai bilangan penduduk pada tahun 2010 seramai 19,884 orang (11.45% daripada jumlah penduduk di dalam Daerah Alor Gajah atau 2.52% daripada penduduk Negeri Melaka).



BAGAIMANA ANDA BOLEH MENGEMUKAKAN MAKLUMBALAS



Anda sebagai tuan tanah, penduduk tempatan atau mana-mana individu atau pertubuhan BERHAK melibatkan diri di dalam perancangan masa hadapan kawasan anda.

Caranya dengan menyemak dan memeriksa Laporan Draf Rancangan Kawasan Khas Melaka World Solar Valley 2020 yang disediakan di tempat-tempat pameran seperti butiran di bawah :

TEMPAT	MASA
Majlis Perbandaran Alor Gajah	9.00 pagi – 4.00 petang
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Melaka	9.00 pagi – 4.00 petang
* Hari bekerja sahaja	

Sekiranya anda mempunyai ulasan, pandangan atau bantahan terhadap laporan tersebut, anda boleh mengisi **BORANG PENYERTAAN AWAM** yang diberi percuma serta mengembalikannya kepada alamat di bawah sebelum 31 Disember 2013



Penyertaan Anda Amatlah Dialu-alukan Demi Masa Depan Kawasan Anda Yang Lebih Cemerlang

RANCANGAN KAWASAN KHAS MELAKA WORLD SOLAR VALLEY

Rancangan Kawasan Khas Melaka World Solar Valley (RKK MWSV) adalah suatu rancangan pemajuan yang disediakan secara terperinci dan bercorak tempatan. RKK ini akan menjadi panduan agar komponen-komponen pembangunan di Melaka World Solar Valley akan menampilkan ciri-ciri sebagai Lembah Suria yang unik berdasarkan potensinya yang dilihat sebagai pusat kepada industri teknologi garapan tenaga suria.

Keperluan Rancangan Kawasan Khas (RKK) dan Proses Penyediaan RKK

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

SUBSEKSYEN 16 B(1) AKTA 172

Pengarah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri (JPBD) atau Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) boleh menyampaikan kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri (JPN) cadangan untuk menyediakan (penetapan) RKK bagi suatu kawasan khas.

RKK perlu mengandungi cadangan tindakan khusus yang terperinci bagi tujuan sama ada untuk memajukan, memajukan semula, memperelokkan lagi, memulihara atau bagi tujuan pengurusan kawasan berkenaan.

RKK boleh disediakan semasa penyediaan atau setelah berkuatkuasanya sesuatu Rancangan Struktur atau Rancangan Tempatan.

SUBSEKSYEN 16 B(2) AKTA 172

Jawatankuasa Perancangan Negeri (JPN) akan menentukan sama ada Pengarah JPBD Negeri atau PBPT yang berkenaan diberi tanggungjawab menyediakan RKK


SUBSEKSYEN 16 B(3) AKTA 172

RKK hendaklah disediakan dengan prosedur atau cara yang sama sebagaimana Rancangan Tempatan (RT) disediakan.

RKK hendaklah mengandungi panduan yang terperinci berkenaan cara pelaksanaan dan pengurusanannya.

RKK hendaklah mempunyai kuatkuasa seperti suatu Rancangan Tempatan.

Prosedur Umum Penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK)



PELAN KONSEP PEMBANGUNAN MELAKA WORLD SOLAR VALLEY 2020



ZON PEMBANGUNAN

- Zon Primer Suria PV dan Termal
- Zon Primer Suria PV
- Zon Sekunder Suria PV

ZON PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN

- Kawasan Pertanian
- Perhutanan
- Aktiviti kuari

SISTEM PENGANGKUTAN

- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Cadangan Laluan Komuter
- Cadangan 'Express Rail Link' (ERL)
- Cadangan Jalan Baru
- Sempadan RKK MWSV

PETA CADANGAN RKK MELAKA WORLD SOLAR VALLEY 2020

